



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **USAHA KERAJAAN NEGERI SARAWAK MEMBANTU PELAJAR MEMBAYAR BAKI HUTANG PINJAMAN PTPTN WAJAR DICONTOHI**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana prihatin untuk membantu anak-anak Sarawak membayar baki hutang pinjaman PTPTN melalui inisiatif yang dilaksanakan.
2. Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman di antara Yayasan Sarawak dan PTPTN bagi Kerjasama Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak telah diadakan pada 5 Mac 2021 di Wisma Bapa Malaysia, Kuching Sarawak dengan disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zahari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak.
3. Kerajaan Negeri Sarawak melalui Yayasan Sarawak telah membantu seramai sehingga 9,000 peminjam menyelesaikan 30% daripada baki hutang pinjaman PTPTN mereka dengan peruntukan sebanyak RM30 juta. Peminjam ini terdiri daripada anak-anak Sarawak yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 30% daripada pinjaman PTPTN mereka sekali gus menghargai komitmen mereka yang telah membuat bayaran balik pinjaman PTPTN.
4. Inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak ini merupakan usaha yang proaktif kerana merupakan satu-satunya Kerajaan Negeri yang bertindak dalam merealisasikannya dengan peruntukan sebanyak RM30 juta. Peruntukan ini merupakan amaun yang cukup besar dalam usaha Kerajaan Negeri Sarawak memastikan peminjam PTPTN yang terdiri daripada anak-anak Sarawak bebas daripada belunggu hutang.
5. Inisiatif ini sewajarnya dijadikan contoh serta ikutan Kerajaan Negeri yang lain. Kerajaan Negeri lain wajar menjadikan usaha Kerajaan Negeri Sarawak membantu rakyatnya membayar baki hutang pinjaman PTPTN sebagai pilihan utama bagi pemberian insentif di dalam perancangan Belanjawan Negeri untuk manfaat rakyat. Cadangan ini dilihat amat sesuai di kala rakyat terkesan akibat penularan pandemik COVID-19. PTPTN sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri di seluruh Malaysia dalam merealisasikan inisiatif ini bagi memastikan kebajikan para peminjam.

6. PTPTN juga berharap Kerajaan Negeri Sarawak akan terus menyokong usaha yang dibuat oleh PTPTN untuk membudayakan pembayaran balik pinjaman dalam kalangan masyarakat untuk kesinambungan pinjaman kepada generasi akan datang. Rakyat negeri Sarawak amat bertuah kerana mempunyai Kerajaan yang prihatin dalam menyediakan keperluan rakyat terutamanya dari aspek kewangan bagi tujuan pengajian tinggi.

7. Inisiatif ini dilaksanakan berdasarkan polisi dan prosedur yang ditetapkan oleh Yayasan Sarawak. Bagi memudahkan urusan, peminjam PTPTN tidak perlu mengemukakan sebarang permohonan. Para peminjam boleh membuat semakan bagi nama peminjam yang layak melalui portal rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my/SemakanInsentifBayaranBalikAnakSarawak](http://www.ptptn.gov.my/SemakanInsentifBayaranBalikAnakSarawak) mulai 15 Mac 2021.

8. Untuk maklumat lanjut, para peminjam juga boleh menghubungi *Careline* PTPTN melalui talian di 03 - 2193 3000 yang beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan melalui Soalan Lazim di Portal PTPTN.